

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

## **KEBENARAN SEMBELIH**

No Dokumentasi: APTVM 21(a):1/2010

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
MALAYSIA

---

### **ISI KANDUNGAN**

Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia	2
1.0. Pengenalan	3
2.0. Objektif	3
3.0. Skop	3
4.0. Definisi	3
5.0. Kata Singkatan	4
6.0. Rujukan	5
7.0. Arahan Prosedur Tetap	5
7.1. Arahan Am	5
7.2. Pengesahan Kesihatan dan Pengeluaran SKV Ternakan untuk Sembelih	6
7.3. Permohonan Permit Sembelih	7
7.4. Pengangkutan Ternakan	7
7.5. Pemeriksaan Ante-mortem	7
7.6. Pemeriksaan Post-mortem dan Lagenda/Tag Pengenalan	8
7.7. Pengedaran/Pemasaran Karkas/Produk	8
Lampiran 1 : Carta Aliran Kerja Pengeluaran Akuan Kebenaran Sembelih	9
Lampiran 2 : Dokumen - dokumen Kebenaran Sembelih	10
Lampiran 3 : Permohonan Permit Sembelih	11

Lampiran 4	: Permit Sembelih	12
Lampiran 5	: Sijil Kesihatan Veterinar bagi Penyembelihan	13
Lampiran 6	: Sijil Kesihatan Veterinar bagi Produk	15
Jawatankuasa Penyediaan APTVM Kebenaran Sembelih		17
Penghargaan		17

---

## **ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Kawalan Penyembelihan merupakan salah satu dari mekanisme dalam kawalan penyakit yang penting. Penyakit haiwan akan mempunyai risiko untuk merebak ketika pemindahan ternakan bagi tujuan disembelih atau melalui pengedaran daging dan otal serta melalui pengurusan sisa dalam proses penyembelihan. Kawalan penyembelihan juga penting dalam perkhidmatan kesihatan awam Veterinar. Penyakit yang terdapat dalam ternakan sembelihan mungkin zoonotik yang boleh menjangkiti manusia. Maka kawalan keselamatan dan kualiti makanan yang berdasarkan haiwan mesti bermula dari ladang dan sepanjang rantaiannya sehingga ke meja makan. Kawalan penyembelihan juga digunakan dalam keadaan tertentu dalam konservasi ternakan.

Oleh yang demikian ternakan yang akan disembelih perlu disahkan sihat dan bebas dari residi drug Veterinar atau sebarang kimia melalui pemeriksaan kesihatan fizikal atau rekod kesihatan oleh pihak berkuasa Veterinar yang kompeten. Sebelum disembelih ternakan perlu menjalani proses ante-mortem dan setelah disembelih, karkasnya perlu melepassi proses pemeriksaan daging, sebelum dibenarkan untuk dijadikan makanan.

Demi memastikan terdapat pematuhan kepada keperluan diatas, penyembelihan ternakan hendaklah dengan Kebenaran sembelih dan disertai prosedur antemortem dan pemeriksaan daging oleh pihak berkuasa Veterinar. Maka Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia (APTVM) - Kebenaran sembelih ini akan digunakan sebagai panduan kepada semua anggota Jabatan dalam memberi perkhidmatan dan mengurus penyembelihan ternakan. Dengan ini diharapkan penularan penyakit berjangkit dapat dibendung demi menjamin keselamatan serta kualiti produk haiwan di sepanjang rantaian dari ladang hingga ke meja makan.

**DATO .DR. AZIZ BIN JAMALUDDIN**

**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR**

**MALAYSIA**

---

## KEBENARAN SEMBELIH

### 1.0. PENGENALAN

Kawalan penyembelihan yang di buat melalui Akuan Kebenaran sembelih menjadi prosedur penting dalam kawalan penyakit haiwan bagi jaminan kesihatan awam dan dalam keadaan tertentu untuk konservasi ternakan. Dalam keadaan bila ancaman keselamatan bekalan makanan daripada haiwan telah mencapai tahap kritikal kawalan penyembelihan digunakan untuk tujuan konservasi haiwan. Situasi ini pernah dilalui selepas Perang Jepun pada tahun 1945.

Kawalan penyembelihan amat penting dalam kawalan penyakit haiwan. seperti penyakit kuku dan mulut, hawar berdarah , demam babi, sampar ayam, dan pelbagai penyakit berjangkit yang lain. Di samping itu, ancaman jangkitan zoonotik seperti tuberculosis, bruselosis, melitensis, melioidosis, salmonellosis dan penyakit-penyakit seperti selsema burung, nipah, anthraks dan BSE perlu sentiasa diawasi. Justeru pemeriksaan ante-mortem dan daging dijalankan demi menjamin keperluan tersebut.

Kawalan ini penting kepada jabatan, namun prosedur yang dijalankan haruslah telus serta mudah dicapai pelanggan jabatan. Dalam masa yang sama jabatan juga mengakui terdapat kekangan sumber untuk memastikan jaminan itu diliputi sepenuhnya, oleh itu prosedur ini akan juga melibatkan mereka yang diberi tauliah. Dengan ini amat penting untuk jabatan mematuhi arahan ini bagi memastikan keselarasan perkhidmatan.

### 2.0. OBJKTIF

APTVM - Kebenaran sembelih ini bertujuan memberikan panduan kepada semua pihak berkuasa Veterinar yang terlibat dalam perkhidmatan ini agar:

- Mampu mencegah, mengawal dan membasmi penyakit haiwan
- Menjamin kesihatan awam dan keselamatan makanan berdasarkan daripada haiwan
- Menjalankan konservasi demi menjamin bekalan ternakan bila diputuskan melalui dasar kerajaan

### 3.0. SKOP

APTVM bagi Kebenaran sembelih meliputi arahan pengurusan dan prosedur pengendalian haiwan ternakan untuk disembelih dari ladang, dirumah sembelih hingga produk sedia untuk dipasarkan

### 4.0. DEFINISI

#### 4.1. *Karkas*

Badan mana-mana haiwan yang telah disembelih

**4.2. *Pihak Berkuasa Veterinar (PBV)***

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, dan mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri, mana-mana Pegawai Veterinar, Timbalan atau Penolong Pegawai Veterinar dan termasuk mana-mana orang yang dilantik secara bertulis oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri untuk menjadi Pihak Berkuasa Veterinar di bawah Seksyen 3 Akta Binatang i953 (Semakan 2006)

**4.3. *Rumah penyembelihan dilesenkan***

Mana-mana rumah penyembelihan swasta yang dilesenkan di bawah Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993 [Akta 507];

**4.4. *Rumah sembelih Jabatan***

Rumah sembelih yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar

**4.5. *Tempat penyembelihan***

Mana-mana rumah/tempat penyembelihan yang dibenarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar

**4.6. *Tanda selar, label atau tanda pengenalan karkas***

Tanda pengenalan karkas mana-mana haiwan yang telah disembelih.

**4.7. *Veterinawan Bertauliah (VB)***

Veterinawan yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia serta memiliki sijil Amalan Tahunan yang sah dan ditauliahkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta didaftarkan dengan DVS bagi menjalankan tugas tertentu dalam skop tanggungjawab seperti yang ternyata dalam APTVM Pendaftaran Veterinawan Bertauliah.

**5.0. KATA SINGKATAN**

- |            |  |
|------------|--|
| 5.1. APTVM | - Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia |
| 5.2. DVS   | - Jabatan Perkhidmatan Veterinar           |
| 5.3. PBV   | - Pihak Berkuasa Veterinar                 |
| 5.4. PPVD  | - Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah    |

- 5.5. SKV - Sijil Kesihatan Veterinar
- 5.6. UBS - Untuk babi Sahaja
- 5.7. VB - Veterinawan Bertauliah

## **6.0. RUJUKAN**

- 6.1. Akta Binatang 1953 (Semakan 2006)
- 6.2. Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) i993
- 6.3. Kaedah - Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009
- 6.4. Kaedah-Kaedah Pemeriksaan Daging, 1985
- 6.5. APTVM Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan dan Produk Haiwan
- 6.6. APTVM Pemeriksaan Daging
- 6.7. APTVM Penyediaan Sijil Kesihatan Veterinar
- 6.8. APTVM Pendaftaran Veterinawan Bertauliah
- 6.9. Protokol Veterinar Malaysia

## **7.0. ARAHAN PROSEDUR TETAP**

### **7.1. Arahan am**

- 7.1.1. Semua penyembelihan termasuk penyembelihan kecemasan atau penyembelihan disebabkan pembasmian penyakit mesti mendapat permit sembelih dari Pihak Berkuasa Veterinar (PBV).
- 7.1.2. Penyembelihan ternakan hendaklah mematuhi undang-undang yang sedang berkuatkuasa semasa negeri dan Persekutuan yang berkaitan dengannya.
- 7.1.3. Kaedah – kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009 - Kaedah 5(1)Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah ini, tiada seorang pun boleh menyembelih atau menyebabkan disembelih apa-apa binatang kecuali di rumah penyembelihan jabatan dan yang dilesenkan.
- 7.1.4. Karkas yang disahkan sihat di bawah kaedah ini di rumah penyembelihan jabatan dan dilesenkan melalui pemeriksaan kesihatan, ante-mortem, post-mortem serta bukan disembelih atas sebab kesihatan serta diberi tanda pengenalan boleh dibenar untuk dijual di Malaysia.
- 7.1.5. Jabatan Perkhidmatan Veterinar melalui Bahagian Pembangunan Industri Hiliran boleh meluluskan sesuatu premis yang sesuai sebagai rumah sembelih dengan diawasi seksyen Pemeriksaan Veterinar serta dipantau Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah berkenaan.

- 7.1.6. Kaedah - Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009 - Kaedah 13(1) Mana-mana orang boleh memohon suatu permit untuk menyembelih dan membersihkan apa-apa binatang di mana-mana tempat selain di rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan:-
- (a) bagi maksud apa-apa amalan agama atau adat:
  - (b) semasa perayaan agama atau adat:
  - (c) bagi maksud penyelidikan atau pendidikan; atau
  - (d) bagi maksud mempromosi pemakanan karkas binatang tertentu.
- 7.1.7 Karkas yang disahkan sihat dari rumah sembelih ini melalui pemeriksaan kesihatan, ante-mortem dan post-mortem serta diberi tanda boleh dibenarkan untuk dijual di dalam kawasan atau daerah berkenaan sahaja.
- 7.1.8 Tempat penyembelihan mestilah bersih dan terurus bagi memastikan daging yang dihasilkan bersih dan selamat dan aktiviti penyembelihan tidak mencemar alam sekitar
- 7.1.9 PBV hendaklah sentiasa merujuk kepada Protokol Veterinar Malaysia mengenai penyakit haiwan sebelum memberikan Permit sembelih
- 7.1.10 Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri hendaklah memastikan tiada ternakan yang sedang melalui prosedur kuarantin penyakit berpandukan APTVM - Kuarantin Penyakit diberikan permit sembelih.

## **7.2 Pengesahan Kesihatan dan Pengeluaran SKV Ternakan untuk sembelih**

- 7.2.1 Ternakan yang hendak disembelih hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan dan dipastikan bebas dari sebarang penyakit dan bahan kimia yang memudaratkan oleh PVB atau VB. (Lampiran 5)
- 7.2.2 Keputusan ujian makmal yang mengesahkan status terkini sesuatu penyakit/ residu kimia terhadap haiwan boleh digunakan sebagai dokumen sokongan bebas penyakit.
- 7.2.3 PVB dan VB yang menjalankan pemeriksaan hendaklah mencatat di dalam SKV status kesihatan dan dinyatakan penyakitnya sekiranya akan disembelih atas sebab kesihatan.
- 7.2.4 Sekiranya perintah konservasi dikuatkuasakan jantina, umur dan status bunting dan dayabiak juga hendaklah dipastikan.
- 7.2.5 Semua ternakan yang disembelih hendaklah memiliki tanda pengenalan yang dicatatkan dalam SKV.
- 7.2.6 SKV yang dikeluarkan oleh PVB atau VB hendaklah berpandukan APTVM-SKV serta dikeluarkan secara manual atau elektronik dengan menggunakan SMS.

### **7.3 Permohonan Permit Sembelih**

- 7.3.1 Permohonan Permit sembelih dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Veterinar samada di DVS Negeri atau PPVD atau Rumah sembelih Jabatan di mana yang lebih dekat. (Lampiran 3 dan Lampiran 4).
- 7.3.2 Pemohon perlu mengemukakan SKV yang dikeluarkan oleh PVB atau VB.
- 7.3.3 Bagi negeri yang melaksanakan pendaftaran ternakan, ternakan yang hendak disembelih perlu dibatalkan pendaftarannya.
- 7.3.4 Penyembelihan Kecemasan Binatang yang didapati cedera parah atau dalam sesuatu keadaan yang menghendaki binatang itu disembelih dengan sertamerta boleh disembelih di mana-mana sebelum mendapat permit sembelih. Walau bagaimana pun karkas hanya boleh dijual sebagai makanan setelah mendapat kelulusan dari PBV.
- 7.3.5 Permit sembelih akan menyatakan lokasi keberanan sembelih
- 7.3.6 Permit sembelih boleh dikeluarkan secara manual atau elektronik dan atas talian.
- 7.3.7 Bayaran untuk permit tersebut akan mengikut peraturan yang berkuatkuasa setempat.

### **7.4 Pengangkutan Ternakan**

- 7.4.1 Kenderaan yang membawa ternakan ke rumah sembelih hendaklah berdaftar dengan DVS.
- 7.4.2 Pemandu hendaklah membawa bersamanya dokumen Permit sembelih dan SKV untuk ke rumah sembelih.
- 7.4.3 Jenis ternakan, jantina dan nombor ternakan yang dibawa mestilah tersenarai dalam bersama nombor kenderaan.
- 7.4.4 Pengangkutan ternakan hendaklah mematuhi keperluan kebijakan ternakan.
- 7.4.5 Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri boleh menetapkan agar kenderaan di metrai (seal) dan atau diiringi ketika wabak penyakit.

### **7.5 Pemeriksaan Ante-mortem Di Rumah Sembelih/Loji pemprosesan.**

- 7.5.1 Ketibaan ternakan di rumah sembelih/ loji pemprosesan /tempat penyembelihan hendaklah diiringi dengan Permit sembelih dan SKV.
- 7.5.2 Semua ternakan dipastikan ada tanda pengenalan bagi tujuan daya jejak.
- 7.5.3 Semua ternakan hendaklah pastikan sihat dan bersih sebelum disembelih.
- 7.5.4 Pemeriksaan dan pengesahan dilakukan oleh PVB atau VB di mana berkenaan.
- 7.5.5 Rekod pemeriksaan dan dokumen terlibat hendaklah disimpan oleh PVB rumah sembelih atau VB yang berkenaan.

## **7.6 Pemeriksaan Post-mortem dan Lagenda /Tanda Pengenalan**

- 7.6.1 Karkas dan organ dalaman hendaklah diperiksa dan disahkan bebas sebarang risiko penyakit dan bahan yang memudaratkan kepada pengguna berpandukan APTVM Pemeriksaan Daging.
- 7.6.2 PBV/VB akan memberi Tanda Selar/ tag pengenalan sebagai kepastian produk sesuai dan selamat untuk dimakan.
- 7.6.3 PBV/VB hendaklah mengeluarkan SKV produk sebagai dokumen perjalanan. {Lampiran 6)
- 7.6.4 PBV/ VB boleh mengeluarkan SKV produk lebih daripada satu untuk keratan karkas bagi memudahkan perjalanan dan jualan. (Lampiran 6)

## **7.7 Pengedaran/Pemasaran Daging**

- 7.7.1 Kenderaan pengangkut produk/karkas mestilah berdaftar dengan DVS.
- 7.7.2 Kenderaan dan bekas penyimpanan produk mestilah bersih dan sesuai bagi mengelakkan pencemaran semasa pengangkutan.
- 7.7.3 Kenderaan yang membawa daging babi tidak dibenarkan bercampuran dengan makanan yang lain dan hendaklah ditanda Untuk Babi sahaja (UBS).
- 7.7.4 Kenderaan mestilah mempunyai kemudahan penyimpanan sesuai bagi mengekalkan kualiti, kebersihan dan keselamatan produk sehingga sampai ke tempat pemasaran/pengedaran.
- 7.7.5 Produk dipasarkan di kawasan yang ditetapkan seperti yang ternyata dalam SKV Produk.
- 7.7.6 Pengedar/penjual perlu mengekalkan/menyimpan tag pengenalan/salinan dokumen bagi tujuan pemeriksaan pegawai penguatkuasa.

**LAMPIRAN 1**

**CARTA ALIRAN KERJA**  
**PENGELUARAN AKUAN KEBENARAN SEMBELIH**

**TANGGUNGJAWAB**

Penternak/Pengendali

PBV/VB

PBV/VB

PBV Pejabat Veterinar/ Rumah Sembelih DVS

Penternak/Pengendali

PBV/VP

PBV/VB Post-Mortem

PBV/VB Tag/Tanda Selar

PBV/VB

**PROSES**

Mohon Permit Sembelih

Periksa Kesihatan

Keluarkan SKV sembelih

Permit Sembelih

Bawa ke rumah sembelih  
yang dibenarkan

Ante-Mortem

Post-Mortem

Tag/Tanda Selar

Keluarkan SKV Produk

**LAMPIRAN 2**

**DOKUMEN - DOKUMEN KEBENARAN SEMBELIH**



**LAMPIRAN 3****BORANG 4**

[SUBKAEADAH 13(2)]

AKTA BINATANG 1953

**KAEDAH-KAEDAH BINATANG (KAWALAN PENYEMBELIHAN) 2009****PERMOHONAN BAGI PERMIT UNTUK MENYEMBELIH BINATANG DI LUAR RUMAH****PENYEMBELIHAN DILULUSKAN ATAU RUMAH PENYEMBELIHAN DILESENKEN**

(PEMOHON HENDAKLAH MELENGKAPKAN BORANG PERMOHONANINI)

Nama Pemohon:					
K/P No.:					
Alamat Pemohon:					
Tempat Penyembelihan(Alamat):					
Tujuan Penyembelihan:					
Tarikh dan Masa Penyembelihan:	..... (Tarikh)	Dari	..... *pagi/petang	Hingga	..... *pagi/petang
Jenis Binatang:	..... (Spesis)			..... (Bilangan dalam perkataan)	
Tanda pengenalan binatang:	..... ..... ..... (No. Pengenalan)				
Tempat, Tarikh dan Jangka Masa Jualan: [Bagi subkaerah 13(7) sahaja]	..... ..... ..... 				
Sijil Kesihatan Veterinar (SKV):	Dilampirkan sesalinan SKV yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Veterinar Tempatan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Rujukan / No. siri :				
Perisyiharan Pemohon:	<p>Saya, yang bertandatangan di bawah ini, mengisyiharkan bahawa semua butir-butir dan maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah betul dan benar. saya selanjutnya memahami bahawa pihak berkuasa Veterinar boleh menolak atau membatalkan permohonan saya jika mana-mana maklumat yang diberikan adalah palsu.</p> <p>Saya juga bersetuju bahawa kelulusan permohonan ini membolehkan saya menyembelih binatang di luar rumah penyembelihan diluluskan/rumah penyembelihan dilesenken tertakluk kepada pematuhan sepenuhnya syarat-syarat yang dilampirkan kepada permitiang dikeluarkan.</p>				
Tarikh Permohonan :	..... Tarikh			..... Tandatangan Pemohon	

**LAMPIRAN 4****BORANG 5**

[SUBKEDAH 13(3)]

AKTA BINATANG 1953

**KAEDAH-KAEDAH BINATANG (KAWALAN PENYEMBELIHAN) 2009****PERMIT UNTUK MENYEMBELIH BINATANG DI LUAR RUMAH PENYEMBELIHAN****DILULUSKAN / RUMAH PENYEMBELIHAN DILESENKEN**

Nama Pemohon:					
K/P No.:					
Alamat Pemohon:					
Tempat Penyembelihan(Alamat):					
Tujuan Penyembelihan:					
Tarikh dan Masa Penyembelihan:	..... (Tarikh)	Dari	..... *pagi/petang	Hingga	..... *pagi/petang
Jenis Binatang:	..... (Spesies)			..... (Bilangan dalam perkataan)	
Tanda pengenalan binatang:	..... ..... (No. Pengenalan)				
Tempat, Tarikh dan Jangka Masa Jualan: [Bagi subkaerah 13(7) sahaja]	..... ..... .....				
Sijil Kesihatan Veterinar (SKV):	Dilampirkan sesalinan SKV yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Veterinar Tempatan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Rujukan / No. siri : ..... ..... Tarikh dikeluarkan: .....				
Perisyiharan Pemohon:	<p>Saya, yang bertandatangan di bawah ini, mengisyiharkan bahawa semua butir-butir dan maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah betul dan benar. saya selanjutnya memahami bahawa pihak berkuasa Veterinar boleh menolak atau membatalkan permohonan saya jika mana-mana maklumat yang diberikan adalah palsu.</p> <p>Saya juga bersetuju bahawa kelulusan permohonan ini membolehkan saya menyembelih binatang di luar rumah penyembelihan diluluskan/rumah penyembelihan dilesenken tertakluk kepada pematuhan sepenuhnya syarat-syarat yang dilampirkan kepada permitiang dikeluarkan.</p>				
Tarikh Permohonan :	..... ..... Tarikh			..... ..... Tandatangan Pemohon	

**LAMPIRAN 5**

**SIJIL KESIHATAN VETERINAR**  
**PEMINDAHAN HAIWAN UNTUK SEMBELIH**

<b>BAHAGIAN 1: Keterangan Umum</b>	1.1. Pemilik		1.2 Nombor Rujukan		
	Nama :  Alamat :		1.3 Pejabat Veterinar/Veterinawan  Bertauliah		
	1.4 Ladang				
	Nama :  Alamat Ladang :				
	No. Pendaftaran :				
	1.5 Tempat Penyembelihan				
	Nama :  Alamat :				
	No. Pendaftaran (jika ada) :				
	1.6 Tarikh Penyembelihan :		1.7 No. Pendaftaran :		
	1.8 No. Meterai :		No. Pendaftaran DVS :		
1.9 Tujuan Penyembelihan					
<input type="checkbox"/> Jualan <input type="checkbox"/> Agama <input type="checkbox"/> Lain-lain.....					
1.10 Pengenalan Haiwan					
Spesis	Baka	Umur	Jantina	No. Pengenalan	Jumlah
Jumlah					

<b>BAHAGIAN II : Perakuan Kesihatan</b>	II a : No. Rujukan	
	II. Adalah saya dengan ini mengesahkan bahawa haiwan yang tersebut diatas telah mematuhi syarat-syarat berikut	
Nama Pegawai :  Jawatan :  Tempat bertugas :  No. Pentaulahan :  Tandatangan :		
	Cop rasmi :	
	Tarikh :	

**LAMPIRAN 6**

**SIJIL KESIHATAN VETERINAR**  
**BAGI PEMINDAHAN KARKAS/PRODUK DARI HAIWAN**

<b>BAHAGIAN 1: Keterangan Umum</b>	1.1. Penghantar		1.2 Nombor Rujukan
	Nama : Alamat :		1.3 Rumah Penyembelihan
	1.4 Penerima		
	Nama : Alamat :		
	1.5 Negeri/Daerah Asal :		1.6 Negeri/Daerah destinasi:
	1.7 Premis Asal		
	Nama : Alamat :		
	No. Pendaftaran (jika ada) :		
1.8 Tarikh Pemindahan :		1.9 Kaedah Pengangkutan :	
1.10 No. Meterai :		No. Pendaftaran DVS :	
1.11 Pengenalan Karkas/Produk			
Spesis	No. Pengenalan		Berat (kg)
			Jumlah

<b>BAHAGIAN II : Perakuan Kesihatan</b>	II a : No. Rujukan	
	II. Adalah saya dengan ini mengesahkan bahawa produk haiwan yang tersebut diatas telah mematuhi syarat-syarat berikut	
Nama Pegawai :  Jawatan :  Tempat bertugas :  No. Pentaulahan :  Tandatangan :		
	Cop rasmi :	
	Tarikh :	

**JAWATANKUASA PENYEDIAAN**  
**ARAHAH PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA**  
**KEBENARAN SEMBELIH**

Penasihat : **Y.H. Dato' Dr. Mohamad Azmie bin Zakaria**  
Pengarah  
Bahagian Pengurusan Biosekuriti & SPS

Disediakan oleh : **Dr. Maznah Ahmad**  
Ketua seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit  
Bahagian Pengurusan Biosekuriti & SPS

**PENGHARGAAN**

Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penyediaan APTVM Kebenaran sembelih ini, khususnya:

1. Semua Pengarah Bahagian, IPPV
2. Semua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
3. Semua Ketua Seksyen IPPV
4. Dr. Muhammad Nazri bin Khairuddin  
*Seksyen Kawalan & Pembasmian Penyakit*